

Kota Warisan Perai Tawar Pengalaman Pelancongan Berasaskan Alam dan Warisan Komuniti

Pemerkasaan ekonomi setempat pacu peralihan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan

Seberang Perai, 8 Februari 2026 – Dalam usaha mempelbagaikan tawaran pelancongan Pulau Pinang sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, Kota Warisan Perai diperkenalkan sebagai inisiatif berasaskan komuniti yang menampilkan potensi Seberang Perai melalui alam, warisan, dan pengalaman kehidupan setempat. Projek ini dirasmikan hari ini oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Inisiatif ini bertujuan memperkukuh identiti sejarah kampung-kampung tradisional di sepanjang Sungai Perai, di samping merangsang pembangunan ekonomi setempat melalui pendekatan eko-pelancongan dan pelancongan berasaskan komuniti. Dalam konteks yang lebih luas, Kota Warisan Perai dirangka bagi menyediakan pengalaman bermakna kepada pengunjung dari dalam dan luar negara, sambil menawarkan pengalaman berbeza daripada tumpuan pelancongan sedia ada di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

"Seberang Perai mempunyai peranan penting dalam landskap pelancongan Pulau Pinang, dengan kekuatan alam, sejarah, dan komuniti yang membentuk sebahagian daripada identiti negeri ini. Inisiatif seperti Kota Warisan Perai membantu memastikan pembangunan pelancongan yang lebih seimbang dan inklusif, serta memberi manfaat langsung kepada masyarakat setempat," kata YAB Tuan Chow.

Projek ini dilaksanakan melalui sokongan Program Geran Pekan Seberang Perai di bawah Program Levelling Up Seberang Perai (LUSP) yang diterajui oleh Think City, dengan sokongan Kementerian Kewangan Malaysia, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai, serta rakan pelaksana NL Travel & Tours. Pelaksanaan projek turut digerakkan bersama komuniti setempat serta rakan strategik daripada universiti, persatuan, dan agensi kerajaan.

"Kota Warisan Perai merupakan langkah awal untuk melihat bagaimana Sungai Perai boleh berfungsi sebagai nadi ekonomi, ekologi, dan sosial di Seberang Perai. Inisiatif ini memberi gambaran awal kepada pendekatan Think City dalam membangunkan Eko Presint di fasa seterusnya LUSP, bermula dengan penglibatan komuniti," kata Dato' Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City.

Matlamat utama Kota Warisan Perai adalah untuk mengangkat semula sejarah dan warisan kawasan Perai, memelihara ekosistem sungai dan persekitarannya, serta membangunkan produk pelancongan dan hospitaliti mesra Muslim (MFTH), yang memberi manfaat ekonomi secara langsung kepada masyarakat setempat. Antara aktiviti yang diteroka termasuk lawatan bakau, pertanian komuniti, pengalaman desa, dan penceritaan warisan kampung.

Kota Warisan Perai melibatkan lima kampung utama iaitu Kampung Labuh Banting, Kampung Kota, Kampung Pengkalan Machang, Kampung Terus, dan Kampung Air Hitam Dalam yang berkongsi Sungai Perai sebagai nadi sejarah pembentukan penempatan dan aktiviti ekonomi setempat. Sungai Perai juga pernah menjadi latar kepada aktiviti komuniti seperti Pesta Sungai, yang menghimpunkan penduduk kampung di sepanjang sungai ini.

"Melalui projek ini, kami bukan sahaja mengetengahkan kisah serta sejarah kampung, malah membuka peluang baharu kepada penduduk setempat sebagai pengusaha pelancongan berasaskan komuniti. Di samping itu, inisiatif ini turut bertujuan memperkasa serta meningkatkan sektor pelancongan mesra

Muslim di kawasan Seberang Perai," kata Dato' Sr. Dr. Muhamad Farid Saad, Pengerusi NL Group of Companies.

Inisiatif ini turut memberi penekanan kepada pemindahan pengetahuan dan pemupukan minat generasi muda melalui program pendidikan komuniti, lawatan berpandu, dan penceritaan sejarah kampung. Pada masa yang sama, Kota Warisan Perai membuka peluang ekonomi kepada usahawan tempatan, penggiat kraftangan, pengusaha makanan tradisional dan pemandu pelancong komuniti.

Selain pelaksanaan aktiviti lapangan, 12 bahan pelancongan termasuk penerbitan dan kandungan audiovisual turut dibangunkan oleh para penerima Geran Pekan Seberang Perai, bagi mempromosikan aset ekologi, budaya, dan komuniti Seberang Perai kepada khalayak yang lebih luas, termasuk sebuah dokumentari mini mengenai Seberang Perai Utara yang ditayangkan sempena majlis pelancaran ini.

Pelancaran Kota Warisan Perai menandakan satu langkah penting dalam mengetengahkan aset alam dan warisan Seberang Perai, memperluas naratif pelancongan berasaskan alam dan sejarah, serta memperkukuh identiti kawasan ini sebagai destinasi pelancongan yang dipacu komuniti.

– TAMAT –

Mengenai Program Levelling Up Seberang Perai

Program Levelling Up Seberang Perai (LUSP) merupakan inisiatif berperingkat yang dilaksanakan oleh Think City dengan sokongan Kementerian Kewangan Malaysia, Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta Majlis Bandaraya Seberang Perai. Program ini memberi tumpuan kepada pendekatan pembangunan berasaskan tempat dan dipacu komuniti bagi memperkukuh bandar, pekan dan kawasan pesisir Seberang Perai melalui pemeliharaan alam sekitar, pengaktifan warisan, serta pemerikasaan ekonomi setempat.

Mengenai NL Travel & Tours

NL Travel & Tours merupakan sebuah syarikat pelancongan di bawah NL Group yang diasaskan dengan matlamat merealisasikan impian perjalanan pelanggan melalui perkhidmatan yang berkualiti, selesa dan mampu milik. Bermula sebagai agensi pelancongan kecil, NL Travel & Tours kini berkembang sebagai penyedia pakej pelancongan, penerbangan dan penginapan yang dipercayai, dengan penekanan kepada pengalaman perjalanan yang lancar, bermakna dan berteraskan budaya. Selaras dengan komitmen terhadap pembangunan pelancongan mampan, NL Travel & Tours merupakan penerima Geran Pekan Seberang Perai daripada Think City di bawah Program Levelling Up Seberang Perai (LUSP) bagi melaksanakan inisiatif Kota Warisan Perai, yang memberi tumpuan kepada pengaktifan warisan tempatan, pemeliharaan alam sekitar serta pembangunan produk pelancongan dan hospitaliti mesra Muslim (MFTH) yang memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Mengenai Think City

Think City adalah organisasi impak ditubuhkan pada 2009 untuk membina tempat yang lestari dan saksama untuk manfaat semua. Ilmu, kemahiran dan strategi kami bertumpukan dalam penyelesaian bandar, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi seni budaya. Think City adalah sebuah subsidiari milik penuh Khazanah Nasional (dana kekayaan Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, layari thinkcity.com.my

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Raudhah Ibrahim
+60164577117
raudhah.ibrahim@thinkcity.com.my

Tan Sian Hoo
+60126190044
tan.sianhoo@thinkcity.com.my

Kota Warisan Perai Offers Nature- and Community-Based Tourism Experiences

Local economic empowerment drives Seberang Perai's transition into a tourism destination

Seberang Perai, 8 February 2026 – In conjunction with Visit Malaysia 2026, Kota Warisan Perai has been introduced as a community-led initiative that diversifies Penang's tourism offerings by showcasing Seberang Perai's natural environment, heritage, and everyday village life. The project was officiated today by YAB Tuan Chow Kon Yeow, Chief Minister of Penang.

The initiative seeks to strengthen the historical identity of traditional villages along the Perai River while stimulating local economic activity through eco-tourism and community-based tourism experiences. Kota Warisan Perai is designed to offer meaningful experiences for both domestic and international visitors, presenting an alternative to Penang's established tourism destination at the George Town UNESCO World Heritage Site.

"Seberang Perai plays an important role in Penang's tourism landscape, with its natural environment, history, and communities forming part of the state's identity. Initiatives such as Kota Warisan Perai help advance a more balanced and inclusive approach to tourism, while delivering tangible benefits to local communities," said Chow Kon Yeow.

The project is supported through the Seberang Perai Small Towns Grants Programme under the Levelling Up Seberang Perai (LUSP) Programme, implemented by Think City with support from the Ministry of Finance Malaysia, the Penang State Government, the Seberang Perai City Council, and partner NL Travel & Tours. The Kota Warisan Perai project is delivered in close collaboration with local communities, as well as strategic partners from universities, associations, and government agencies.

"Kota Warisan Perai represents an initial step in exploring how the Perai River can function as an economic, ecological, and social backbone for Seberang Perai. It offers an early glimpse into Think City's approach to developing Eco Precincts in the next phase of LUSP, beginning with strong community participation," said Hamdan Abdul Majeed, Managing Director of Think City.

The Kota Warisan Perai project focuses on reviving Perai's local history and heritage, conserving the river ecosystem and its surrounding environment, and developing Muslim-friendly tourism and hospitality (MFTH) offerings that generate direct economic benefits for local communities. Activities being explored include mangrove tours, community farming, village stays, and heritage storytelling.

The project involves five villages—Kampung Labuh Banting, Kampung Kota, Kampung Pengkalan Machang, Kampung Terus, and Kampung Air Hitam Dalam—which share the Perai River as a historical lifeline shaping early settlement patterns and local economic activity. The Perai River has also previously served as the setting for community activities such as Pesta Sungai, which brought together villages along the river corridor.

"Through this project, we are not only highlighting the stories and heritage of the village but also creating new opportunities for local residents to become community-based tourism operators. At the same time, this initiative aims to strengthen and further develop Muslim-friendly tourism in the Seberang Perai area," said Dato' Sr. Dr. Muhamad Farid Saad, Chairman of NL Group of Companies.

The initiative also places emphasis on knowledge transfer and nurturing interest among younger generations through community education programmes, guided tours, and heritage storytelling. At the

same time, Kota Warisan Perai spurs economic expansion for local entrepreneurs, artisans, traditional food producers, and community tour guides.

In addition to on-the-ground activities, 12 tourism publications and audiovisual content have been developed by recipients of the Seberang Perai Small Towns Grants to promote the ecological, cultural, and community assets of Seberang Perai to a wider audience, including a mini documentary on Seberang Perai Utara screened during the launch event.

The launch of Kota Warisan Perai today marks an important step in highlighting Seberang Perai's natural and cultural assets, expanding eco- and heritage-based tourism narratives, and reinforcing the area's identity as a community-led tourism destination.

— END —

About the Levelling Up Seberang Perai Programme

The Levelling Up Seberang Perai (LUSP) Programme is a multi-phase initiative implemented by Think City with support from the Ministry of Finance Malaysia, the Penang State Government, and the Seberang Perai City Council. The programme adopts a place-based, community-led approach to strengthening Seberang Perai's towns, coastal areas, and local economies through environmental stewardship, heritage activation, and grassroots initiatives.

About NL Travel & Tours

NL Travel & Tours is a travel company under the NL Group, offering a range of travel services including tour packages, flights, and accommodation. Established as a small travel agency, the company has grown into a trusted travel partner with a focus on delivering seamless, meaningful, and culturally grounded travel experiences. In line with its commitment to sustainable tourism, NL Travel & Tours is a recipient of the Seberang Perai Small Towns Grant from Think City under the Levelling Up Seberang Perai (LUSP) Programme. Through this support, the company is implementing the Kota Warisan Perai initiative, which focuses on activating local heritage, promoting environmental stewardship, and developing Muslim-friendly tourism and hospitality (MFTH) offerings that create tangible benefits for local communities.

About Think City

Think City is an impact organisation established in 2009 to create more sustainable and equitable places for the benefit of all. Our knowledge, skills and strategies focus on urban solutions, the environment, social communities, and the cultural economy. Think City is a wholly owned subsidiary of Khazanah Nasional (the sovereign wealth fund of the Government of Malaysia). For more information, log on to thinkcity.com.my

For media inquiries, please contact:

Raudhah Ibrahim
+60164577117
raudhah.ibrahim@thinkcity.com.my

Tan Sian Hoo
+60126190044
tan.sianhoo@thinkcity.com.my